

11 MAR 1998

AGONG UTUS UCAPAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN MAURITIUS

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah mengutuskan ucapan tahniah kepada Presiden Cassam Uteem sempena Hari Kemerdekaan Mauritius.

Dalam perutusan itu Seri Paduka melahirkan keyakinan bahawa hubungan yang sedia terjalin antara rakyat kedua-dua negara akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang, menurut kenyataan Kementerian Luar hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga menghantar perutusan serupa kepada rakan sejawatannya Dr Navinchandra.

Dr Mahathir berharap hubungan rapat antara kedua-dua negara akan terus dapat diperkukuhkan pada masa akan datang demi faedah bersama.

Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi turut mengucapkan tahniah kepada rakan sejawatannya Rakeswur Kailash Purryag. -- BERNAMA

NY RHM